

Newspaper	Berita Harian
Date	11 June 2015

Tidak wajar debat dengan Tun M: Najib

» Tindakan tak bawa kebaikan kepada UMNO, BN

Oleh Norakmah Mat Youb
norakmah@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Datuk Seri Najib Razak semalam menjelaskan adalah tidak wajar untuk beliau berdebat secara terbuka dengan bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, ia juga tidak membawa kebaikan kepada UMNO dan Barisan Nasional (BN).

"Sebagai Perdana Menteri, memang tidak wajar untuk debat seperti ini secara terbuka di khalayak ramai dengan bekas Perdana Menteri dan dari parti politik yang sama.

"Saya sebagai Perdana Menteri dan Presiden UMNO juga bertanggungjawab untuk menjaga nama baik kerajaan dan parti," katanya dalam blog rasminya najibrazak.com, semalam.

Jumaat lalu, polis membatalkan program 'Nothing to Hide' yang sepatutnya dihadiri oleh Perdana Menteri, selepas

ia turut dhadiri dua kumpulan berlainan haluan yang dikhuatiri boleh mencetuskan kekecohan dan mengancam keselamatan.

Ketua Polis Negara, Tan Sri Khalid Abu Bakar, dilaporkan berkata pada saat-saat akhir sebelum majlis berlangsung di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) jam 9 pagi itu, pihaknya menerima maklumat mengenai perancangan dua kumpulan terbabit yang dipercayai mahu mencetuskan kekecohan.

Sanggup beri penjelasan Perdana Menteri berkata: "Dr Mahathir berhak bertanya dan saya sanggup memberi penjelasan kepada beliau. Ini saya lakukan agar perkara munasabah yang dibangkitkan dapat dijelaskan."

Mengulas lanjut, Najib berkata, pada 19 Mei lalu beliau menerima jemputan menghadiri dialog tertutup bersama badan bukan kerajaan (NGO) yang dianjurkan Pertubuhan Sukarelawan Peguam Malaysia (SukaGuam) dan Jabatan Hal Ehwal Khas (JASA).

Katanya, beliau bersetuju untuk hadir kerana sesi dialog itu untuk menjelaskan isu semasa, termasuk wang IMDB (IMDB) sebanyak RM42 bilion tidak lesap seperti didakwa Dr Mahathir.

"Bagaimanapun majlis itu bertukar format daripada di-



alog tertutup kepada majlis pembahasan terbuka, yang boleh menjadi pencetus konfrontasi politik terbuka antara Dr Mahathir dengan saya," katanya.

Najib turut melahirkan rasa kesal kerana program itu terpaksa dibatalkan atas alasan keselamatan dan niat beliau untuk berdialog dengan NGO tidak dapat diteruskan.

Terima undangan NGO

"Saya akan terus menyampaikan maklumat dalam apa juga cara yang baik dan berhemah, termasuklah menerima undangan NGO. Saya akan bejumpa dengan kumpulan itu pada masa akan datang," katanya.

Dalam pada itu, Perdana Menteri memaklumkan Kementerian Kewangan dengan IMDB sudah menjana satu pelan rasionalisasi untuk mengurangkan tahap hutang syarikat berkenaan.

Malah, katanya, IMDB ber-

Saya akan terus menyampaikan maklumat dalam apa juga cara yang baik dan berhemah, termasuklah menerima undangan NGO. Saya akan berjumpa dengan kumpulan itu pada masa akan datang"

Najib Razak,
Perdana Menteri

jaya membuat pembayaran sebanyak RM3.6 bilion ke arah mencapai matlamat itu.

"Namun, amat dukacita apabila usaha ini tidak disambut baik oleh pihak yang mengkritik hutang IMDB," katanya.